



**KENYATAAN AKHBAR  
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

**BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI  
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI  
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI KEDAH TAHUN 2018**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN AKTIVITI  
JABATAN NEGERI KEDAH TAHUN 2018 SIRI 2**

1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun persekutuan dan negeri. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi pula merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Seksyen 6(d), Akta Audit 1957.
2. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, laporan hendaklah dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah bagi memperkenan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah.
3. LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Kedah Tahun 2018 setelah mendapat perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 4 November 2019. Manakala LKAN mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan Negeri Kedah Tahun 2018 Siri 2 pula setelah mendapat perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2019. Seterusnya, kedua-dua laporan ini setelah mendapat perkenan

KDYMM Tuanku Sultan Kedah akan dibentangkan pula di Dewan Undangan Negeri Kedah pada 16 April 2020.

4. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

#### **4.1. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Kedah Tahun 2018**

##### **(a) Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri**

Pengauditan yang dijalankan mendapati Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

##### **(b) Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- i. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 bagi Negeri Kedah telah menurun sejumlah RM79.35 juta atau 51.6% menjadi RM74.57 juta pada tahun 2018 berbanding RM153.92 juta pada tahun 2017.
- ii. Kerajaan Negeri mencatat defisit dalam Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM642.64 juta pada tahun 2018 berbanding defisit berjumlah RM593.26 juta pada tahun 2017. Defisit ini disebabkan kesan daripada penurunan hasil sejumlah RM73.75 juta melebihi penurunan perbelanjaan sejumlah RM4.62 juta.
- iii. Pada tahun 2018, Hutang Awam telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM56.61 juta (2.1%) kepada RM2.704 bilion berbanding RM2.648 bilion pada tahun 2017. Peningkatan ini disebabkan jumlah terimaan wang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM31.91 juta dan pengiktirafan faedah tertunggak berjumlah RM92.92 juta pada tahun 2018. Di samping itu, bayaran balik hutang juga telah dibuat pada tahun 2018 berjumlah RM30.03 juta.

**(c) Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri**

- i. Mengikut Seksyen 5(1)(c), Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- ii. Setakat 31 Ogos 2019, bilangan penyata kewangan yang perlu diaudit dan telah disahkan adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PENYATA KEWANGAN</b>	<b>BILANGAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2018</b>	<b>PENSIJILAN SETAKAT 31.8.2019</b>
1.	Badan Berkanun Negeri	11	6
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	11	11
3.	Majlis Agama Islam Negeri	1	1
<b>JUMLAH</b>		<b>23</b>	<b>18</b>

- iii. Berdasarkan 23 Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Tahun 2018, sebanyak 18 telah selesai diaudit dan diberikan Sijil Tanpa Teguran. Manakala sebanyak 5 penyata kewangan masih belum dimuktamadkan.

**4.2. LKAN mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan Negeri Kedah Tahun 2018 Siri 2**

**(a) Pengurusan Aktiviti Jabatan Negeri**

- i. Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa iaitu *The International Standards of*

*Supreme Audit Institutions (ISSAI) 3000, 3100 dan 3200. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.*

ii. Bagi LKAN Tahun 2018 Siri 2 ini, sebanyak dua (2) pengauditan prestasi yang berkaitan dengan pengurusan aktiviti telah dilaksanakan di peringkat negeri Kedah. Pengauditan adalah mengenai Pengurusan Bahan Batuan Daerah Langkawi dan Pengurusan Program Peningkatan Populasi Pembiak Bagi Ternakan Ruminan. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti jabatan negeri seperti penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Bagaimanapun, sasaran/objektif aktiviti yang ditetapkan belum dapat dicapai sepenuhnya, selain terdapat beberapa isu ketidakcekapan dalam pengurusan aktiviti.

(b) Semua pegawai pengawal/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. *Exit Conference* juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 15 syor terhadap pengurusan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

5. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Kedah Tahun 2018 serta LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan Negeri Kedah Tahun 2018 Siri 2 dijadual dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Kedah pada 16 April 2020. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang

awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 16 April 2020 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada Warkah Untuk Ketua Audit Negara.

Ketua Audit Negara  
Malaysia

16 April 2020